

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 JANUARI 2021
JUMAAT



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

SINAR HARIAN

RM36.29 JUTA SEL ENGGARA JALAN PERSEKUTUAN DI JOHOR

2



SINAR HARIAN

SENIN - 25/01/2021
SINAR HARIAN - 24.

24

Sinar untuk Malaysia

RM36.29 juta selenggara jalan Persekutuan di Johor



Solihan (tengah) diberi penerangan mengenai kerja menaik taraf dan menampal lubang Lebuhraya Pasir Gudang di Pasir Gudang pada Ahad.

PASIR GUDANG - Kementerian Kerja Raya meluluskan peruntukan segera berjumlah RM36.29 juta untuk kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan di seluruh negeri.

Exco Kerja Raya Pengangkutan dan Infrastruktur Johor, Mohd Solihan Badri berkata, daripada jumlah itu Johor Bahru menerima peruntukan paling besar sebanyak RM12.1 juta iaitu kos untuk menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang yang rosak dan berlubang.

"Penyelenggaraan Lebuhraya Pasir Gudang dilakukan di Seksyen 16-23 iaitu persimpangan Plentong-Seri Alam, Seksyen 10 hingga Seksyen 12 di persimpangan Taman Perindustrian Tebrau-Taman Daya serta Seksyen 0 hingga Seksyen 2 di Tol Perlis sehingga susur Skudai dengan keseluruhan kos sebanyak RM10 juta.

"Kerja pembinaan melibatkan 11 kilometer bermula 15 Februari ini selama dua bulan dengan satu lorong ditutup. Jadi saya harap pengguna jalan raya dapat bersabar," katanya kepada pemberita selepas melintau kerja-kerja membaik-pulih Lebuhraya Pasir Gudang di sini pada Ahad.

Katanya kerja-kerja itu merupakan fasa pertama dan diharap kementerian terbitkan

akan terus menyalurkan peruntukan kerana sumbangan kerajaan negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) amat tinggi.

"Laluan Lebuhraya Pasir Gudang ini adalah penting kerana hubungkan dua pelabuhan yang bukan sahaja manfaatkan negeri Johor malah Malaysia amnya," katanya.

Mohd Solihan menjelaskan, kajian forensik yang diajarkan di Lebuhraya Pasir Gudang mendapati antara punca kawasan berkenaan kerap mengalami kerosakan ialah kelemahan strukturnya.

"Saya telah menasihati Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri untuk meneliti kerja kontraktor, selain pihak konsesi perlu memastikan wang kerajaan yang dibelanjakan adalah spesifik. Kita juga akan senarai hitam kontraktor yang tidak memenuhi spesifikasi kementerian.

"Rekod hasil kerja kontraktor yang terdahulu membina jalan ini sehingga banyak kerugian dialami juga telah kita ambil... bagaimanapun kita juga perlu melihat bahawa antara faktor lain (menyebabkan kerosakan) jalan jalan ini terlalu sibuk serta perlu penyelenggaraan dari masa ke semasa," katanya.

